

TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW
BULAN JULAI 2023**

6 JULAI 2023 (KHAMIS)

**DEWAN SRI LESTARI
ARAS B1, KKDW**

Bismillahi Ar-Rahman Ar-Rahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

SALUTASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia
MADANI dan Salam Perpaduan

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan kesejahteraan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Demikian juga ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda, seterusnya ke atas para Tabiin dan para Ulama'.

2. Setinggi-tinggi kesyukuran juga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnia dan izin-Nya, kita telah dipermudah oleh Allah SWT untuk bersama-sama berkumpul sempena Perhimpunan Bulanan KKDW Bulan Julai pada pagi ini dan saya difahamkan bahawa Perhimpunan Bulan ini dihoskan oleh KESEDAR. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak KESEDAR kerana berjaya mengatur program ini dengan baik sekali.

3. Suka saya sebutkan sekali lagi disini, bahawa Perhimpunan Bulanan Kementerian seperti ini penting untuk diadakan bagi menyampaikan keputusan-keputusan Kerajaan dan pengurusan tertinggi Kementerian kepada semua Warga KKDW termasuklah di agensi dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) untuk dilaksanakan.
4. Dan saya amat bertuah dan berbesar hati untuk turut berada dalam majlis ini seterusnya dapat bersua muka dengan anda semua Warga KKDW yang saya sayangi.
5. Sehubungan dengan itu, saya berharap perhimpunan kita pagi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua Warga Kementerian termasuk agensi dan LKW untuk kita semua faham dan jelas serta terus istiqamah di dalam kerja dan tugas kita dalam membangunkan masyarakat di desa supaya matlamat Kementerian dan Kerajaan dapat dicapai secara bersama. Insya-Allah

SENTUHAN KASIH DESA

6. Alhamdulillah. Pada 24 Jun yang lalu, satu Majlis Pelancaran Sentuhan Kasih Desa oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan di Dataran Nilai, Negeri Sembilan. Inisiatif mengadakan Program Sentuhan Kasih Desa adalah untuk memastikan rakyat di semua peringkat dapat memahami hasrat Kerajaan melalui inspirasi Desa Madani, manifestasi usaha dan komitmen Kerajaan dalam memenuhi kehendak dan keperluan rakyat serta menyampaikan perancangan, kejayaan-kejayaan dan inisiatif-inisiatif Kerajaan.
7. Bagi memastikan kehendak dan keperluan rakyat di desa dapat disantuni, Kementerian ini berserta agensi dan LKW dibawahnya perlulah menggunakan pendekatan mesra rakyat dalam menyantuni dan menyelesaikan masalah di luar bandar termasuk isu-isu kemiskinan di desa sesuai dengan saranan YAB Perdana Menteri yang ingin menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun 2023 ini.
8. Dengan itu adalah penting kepada Kementerian untuk mengetahui jumlah sebenar kemiskinan tegar ini dan apakah keperluan-keperluan mereka untuk keluar dari kepompong ini. Sebab itu, perubahan-perubahan yang ingin dibawa oleh Kementerian terutamanya melalui pelaksanaan *game changer* perlu dipenuhi dan sesuai dengan permasalahan

akar umbi di desa seterusnya mampu untuk menoktahkan isu kemiskinan tegar ini.

9. Kita perlulah meletakkan kepentingan rakyat di hadapan dengan bekerja secara bersama, menunjukkan kesamaan kita dengan lain-lain Kementerian atau Kerajaan Negeri dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat desa. Apa yang rakyat mahukan, itulah pembaharuan yang perlu kita uruskan dan kemudian kita sajikan yang terbaik. Insya- Allah.
10. Setelah kita berjaya melaksanakan Program Sentuhan Kasih Desa di Dataran Nilai pada 24 Jun 2023 yang lalu, program ini seterusnya akan diadakan di sebelah Utara pada 14 sehingga 16 Julai 2023 masing-masing di Amanjaya Mall, Sungai Petani dan Dataran Lotus's Bertam, Kepala Batas. Saya percaya kerja-kerja sedang giat dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat bagi memastikan program Sentuhan Kasih Desa di kedua-dua lokasi tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.
11. Suka saya mengingatkan semua warga KKDW, agensi dan LKW, dalam kita melaksanakan tugas selaku jentera Kerajaan kita perlulah berkerja dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berintegriti dengan sepenuh tenaga dan ikhtiar dalam melaksanakan hasrat Kerajaan bagi memastikan masyarakat desa di luar sana merasai kesan

pembangunan yang kita bawa.

12. Pada kesempatan ini saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Sri KSU dan Kementerian kerana mengambil inisiatif menubuhkan Kumpulan *Think Tank@KKDW* yang boleh membantu Kementerian dalam menjana idea-idea pembaharuan yang bersifat *low cost, high impact, rapid execution* dan *value for money* bagi memastikan sasaran kita dapat dicapai dengan lebih berkesan.
13. Penubuhan *Think Tank@KKDW* ini juga merupakan kesinambungan daripada penubuhan Pasukan Petugas Khas Reformasi *Agensi atau Special Taskforce on Agency Reform* (STAR) yang dipengerusikan oleh Ybhg. Tan Sri KSN dan dianggotai oleh semua Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan.
14. Saya percaya ini merupakan langkah awal yang dilaksanakan Kementerian dalam kita melaksanakan reformasi perkhidmatan awam sesuai dengan reformasi agensi yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri melalui Agenda Malaysia MADANI.

PENGALAMAN DI KESEDAR

Hadirin yang saya hormati,

15. Dalam kita memberi fokus kepada pembangunan di perdesaan, kita juga perlu memberi perhatian dalam memperkemaskan soal tata kelola pengurusan kita. Kehilangan wang yang berlaku di KESEDAR perlu ditangani sebaik mungkin dan alhamdulillah, dalam hal ini, KESEDAR telah menanganinya dengan baik sekali. Perkara ini perlu dijadikan iktibar kepada kita semua dan disusuli dengan penambahbaikkan bagi mengelakkan perkara yang sama daripada berulang.
16. Walaupun hanya seorang individu yang terlibat dalam kejadian ini, namun kesan moralnya terpalit kepada ramai warga yang lain. Dalam hal ini, kata-kata semangat dan motivasi perlu sentiasa dititipkan bagi meniup kembali semangat warga kerja KESEDAR.

FOKUS KESEDAR DALAM RMK12

17. Antara fokus Kementerian, agensi dan LKW dibawahnya adalah menyokong agenda pembangunan keterjaminan makanan negara. Dalam konteks ini, agensi seperti FELCRA dan RISDA boleh mengadakan kolaborasi dengan LKW yang

mempunyai banyak tanah di kawasan luar bandar yang boleh dimajukan dengan program ini.

18. Syabas dan tahniah kepada FELCRA dan KESEDAR di atas inisiatif kolaborasi membangunkan projek ternakan ayam secara tertutup di Paloh 4, Gua Musang dengan kapasiti 250,000 ekor ayam pedaging bagi setiap pusingan. Selain menyokong keterjaminan makanan negara, projek-projek sebegini akan menjana pelbagai aktiviti ekonomi setempat seperti perkhidmatan dan penyelenggaraan, kerja-kerja landskap, pembekalan, pembinaan, kontrak dan sebagainya.
19. Semasa lawatan saya ke KESEDAR juga pada 26 Februari 2023 yang lalu, saya turut bersetuju untuk KESEDAR memberi fokus bagaimana potensi pertanian untuk keterjaminan makanan negara ini dijadikan *game changer* dalam mengubah struktur sosio-ekonomi penduduknya. Bukan sahaja pembangunan di peringkat huluhan, namun potensi hiliran produk juga perlu untuk dikembangkan.
20. Begitu juga dengan LKW-LKW yang lain yang mana *game changer* berdasarkan potensi tempatan perlu dibangunkan sepenuhnya bagi memberi nilai tambah kepada produk-produk atau pekerjaan-pekerjaan sedia ada.
21. Ini semua adalah salah satu cara untuk kita menontahkan kemiskinan tegar di perdesaan negara kita pada tahun ini.

22. Pada kesempatan ini sukacita saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada YBrs. Dr. Shahrir bin Mohammad Zakey atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau selama menjadi Pengurus Besar KESEDAR. Mudah-mudahan segala khidmat bakti beliau akan diberi ganjaran sebaiknya oleh Allah ta'ala.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

23. Seperti yang kita semua telah maklum, kita akan menghadapi pilihanraya negeri di 6 buah negeri pada 12 Ogos 2023. Saya amat berharap kita dapat bekerja secara profesional dan bersama dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik Kerajaan kepada rakyat seterusnya memastikan Kerajaan Pusat yang dibentuk ini terus mendapat sokongan.

24. Marilah kita sama-sama beriltizam dan bertekad melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan peruntukan Kerajaan yang diamanahkan kepada Kementerian termasuk agensi dan LKW digunakan sebaik mungkin dengan impaknya dapat dirasai dan dinikmati oleh masyarakat di perdesaan.

25. Akhir kata, saya percaya bahawa dengan kerja keras dan

komitmen yang berterusan, kita dapat mencapai aspirasi dan matlamat yang telah kita tetapkan. Insyallah

Sekian, Wabillahi Taufiq WalHidayah, Wassalamuaikum warahmatullahi Wabarakatuh.